

**Penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) BE**

**Kempen Klik e-Filing**  
Mudah, Tepat, Selamat

**HASIL**

**MAKLUMAN**

**1 Mac - 30 April 2018**  
(Tidak Menjalankan Perniagaan)

**1 Jun - 30 Jun 2018**  
(Menjalankan Perniagaan)

<https://ez.hasil.gov.my/CI/>

**DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN UNTUK PENGHANTARAN BORANG BE BAGI TT 2017**

**MAKLUMAN**

Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2017 melalui e-Filing bagi **Borang E, BE, B, BT, P, M, MT dan TF** boleh dilakukan mulai

**1 MAC 2018**

anda masih lagi ingat kata laluan e-Filing?

<https://ez.hasil.gov.my/CI/>

## Pendekatan Seimbang Agensi Percukaian Negara

**S**ECARA umumnya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan dua agensi utama pemungut hasil negara yang menguruskan kutipan cukai langsung dan kutipan cukai tidak langsung.

Kedua-dua agensi ini telah memainkan peranan dan fungsi masing-masing dengan baik untuk memastikan negara mempunyai dana hasil yang cukup agar kerajaan mampu melaksanakan dasar dan polisi yang dirangka.

Walaupun skop cukai pendapatan dan cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) adalah berbeza, namun kedua-duanya tidak dapat lari daripada

penipuan dan ketirisan yang memerlukan tindakan pantas kedua-dua agensi ini. Ketirisan hasil negara merupakan perkara yang tidak boleh dikompromi memandangkan tindakan melarikan cukai merupakan tindakan jenayah yang memandang rendah prinsip kedaulatan undang-undang di Malaysia.

Ketirisan hasil ini juga memberikan persepsi negatif kepada negara memandangkan hal ini mempunyai kaitan rapat dengan gejala rasuah yang merupakan barah kepada negara. Maka kerajaan telah menggerakkan inisiatif Collection Intelligence Arrangement (CIA) pada pembentangan Belanjawan 2017 yang lalu untuk membanteras ketirisan hasil negara menerusi perkongsian pintar antara LHDNM, JKDM dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

CIA yang diterajui oleh Kementerian Kewangan ini melibatkan LHDNM, JKDM

dan SSM yang akan bekerjasama dalam konteks perkongsian data dan maklumat untuk meningkatkan kecekapan kutipan dan pematuhan cukai. CIA dilihat sebagai salah satu inisiatif yang baik dalam usaha kedua-dua agensi untuk meningkatkan kutipan hasil negara. Menerusi inisiatif CIA ini, agensi terbabit akan bertukar maklumat dan membuat padanan data dan analisis bertujuan untuk mengenal pasti pembayar cukai berpotensi yang perlu didaftarkan, pemilihan kes audit dan siasatan cukai.

Berdasarkan inisiatif CIA ini, LHDNM dan JKDM telah menandatangani memorandum persefahaman program audit bersama-sama dan juga pertukaran maklumat kedua-dua agensi pada tahun 2017 yang lalu. Menerusi inisiatif yang telah terjalin ini, kedua-dua agensi ini akan menjalankan aktiviti audit secara bersama-sama dan berkongsi maklumat mengenai pembayar cukai untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pematuhan cukai.

Ternyata inisiatif yang dilaksanakan ini mempunyai inti pati yang tersendiri, iaitu untuk memudahkan urusan agensi percukaian dan juga pembayar cukai itu sendiri. Sebagai contohnya,

menerusi program audit bersama-sama, LHDNM dan JKDM akan dapat mengurangkan kos pemungutan cukai kerana kedua-dua agensi telah menjalankan analisis risiko berdasarkan maklumat yang dikongsi sekali gus mengurangkan beban kewangan kedua-dua agensi.

Daripada segi pembayar cukai atau pihak yang diaudit pula, program audit bersama ini akan menjimatkan kos mereka dari segi penyediaan maklumat dan fail yang diperlukan semasa lawatan audit memandangkan audit dijalankan serentak.

Tambahan pula, kos masa pihak yang diaudit dapat dijitamkan kerana tidak perlu terlibat dalam sesi dua lawatan audit yang berbeza dari LHDNM dan JKDM. Masa merupakan suatu perkara yang sangat berharga kepada entiti perniagaan dan seharusnya program audit bersama-sama ini memberikan nilai tambah kepada pengurusan masa mereka.

Kempen Klik e-Filing yang telah dilancarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**Masa merupakan suatu perkara yang sangat berharga kepada entiti perniagaan dan seharusnya program audit bersama-sama ini memberikan nilai tambah kepada pengurusan masa mereka.**



Hari bertemu pelanggan.

Selain itu, kedua-dua agensi tidak hanya memfokuskan kepada konteks pematuhan cukai semata-mata dalam lawatan audit bersama-sama ini memandangkan LHDNM dan JKDM mempunyai kesempatan untuk memberikan penerangan yang jelas mengenai pengurusan cukai yang tepat kepada pihak yang diaudit. Maka pembayar cukai bakal mendapat penerangan yang jelas daripada kedua-dua agensi tentang apa-apa yang perlu dan tidak perlu dalam pengurusan cukai lantas akan meningkatkan tahap kesedaran mereka berkenaan cukai.

**Pada tahun 2017 JKDM telah melaksanakan OPS CBOS ataupun Operasi Strategi Lautan Biru Kastam yang menekankan strategi pematuhan menerusi pendidikan cukai.**

Bayangkan impak yang akan diterima oleh pembayar cukai mengenai tahap kesedaran berkenaan cukai pendapatan dan CBP sekiranya maklumat tersebut dikongsi dengan klien mereka. Kesedaran mengenai kepentingan cukai kepada negara merupakan elemen penting dalam konteks pematuhan cukai.

Pematuhan cukai tidak hanya berkisar mengenai aktiviti penguatkuasaan seperti audit dan siasatan semata-mata, malah lebih luas daripada itu. Pematuhan dapat diwujudkan melalui dua situasi, pertama menerusi kaedah penguatkuasaan dan kedua adalah menerusi kaedah pendidikan.

Untuk meningkatkan pematuhan secara sukarela, pendidikan cukai merupakan elemen

terpenting untuk membentuk pemahaman dan kesedaran yang betul. Apabila wujud kesedaran yang tinggi dan rakyat faham mengenai cara yang betul untuk membayar cukai, hasil negara akan meningkat dengan sendirinya tanpa perlu aktiviti audit dan sebagainya.

Namun dalam konteks sistem taksir sendiri, sebilangan pembayar cukai mempunyai kecenderungan untuk tidak melaporkan pendapatan dengan tepat pada borang. Maka, di sini perlunya peranan audit dan siasatan cukai yang akan menilai semula pelaporan yang kurang tepat diberikan oleh pembayar cukai yang tidak patuh, lantas memberikan keadilan kepada mereka yang patuh.

Lantaran itu, perkongsian pintar atas inisiatif CIA ini merupakan program serampang dua mata yang melibatkan pematuhan dari segi penguatkuasaan dan juga pendidikan cukai, malah secara tidak langsung program ini bertepatan dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menekankan tahap kerja yang efisien namun dengan kos yang minimum.

Pengaplikasian NBOS pada setiap strategi yang dirangka oleh kedua-dua badan ini bukan perkara baharu. Untuk sekian masa LHDNM dan JKDM telah merangka usaha dan perencanaan yang efisien dalam usaha memudahkan pematuhan dan menyukarkan ketidakpatuhan cukai.

Sebagai contohnya, pada tahun 2017 JKDM telah melaksanakan OPS CBOS ataupun Operasi Strategi Lautan Biru Kastam yang menekankan strategi pematuhan menerusi pendidikan cukai sebagai teras utama program tersebut. OPS ini menekankan aspek pemahaman dan pendidikan dalam kalangan peniaga dan syarikat yang membayar CBP termasuk program bimbingan, penerbitan garis panduan serta mewujudkan pusat maklumat.

Menerusi operasi ini, pegawai JKDM akan melawat premis yang berdaftar dengan CBP dan akan memberikan khidmat nasihat mengenai cara pengurusan CBP yang betul. Hasilnya, sejak dilancarkan pada September 2016 yang lalu, JKDM telah berjaya mengutip tambahan CBP berjumlah RM1 bilion. Pada tahun 2017 pula JKDM menasaskan kutipan cukai tambahan sebanyak RM3 bilion menerusi OPS tersebut.



LHDNM dalam usaha melancarkan kempen Kami Prihatin 2017 (OKP).

Pada tahun 2017, LHDNM telah melancarkan kempen Kami Prihatin 2017 (OKP) dalam usaha mendidik dan memberikan kesedaran cukai kepada masyarakat, terutamanya pembayar cukai baharu yang memerlukan bimbingan dan panduan untuk melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka.

Secara dasarnya, program ini bertujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan dalam kalangan pembayar cukai baharu. Secara tidak langsung, inisiatif yang mempunyai elemen pendidikan ini diharap mencetuskan kesedaran dan kefahaman mereka tentang tanggungjawab percukaian yang perlu ditunaikan mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Operasi ini berbeza daripada operasi yang telah dilaksanakan oleh LHDNM pada tahun ini yang memperlihatkan OKP memanfaatkan kemudahan e-mel bagi mendekati kumpulan sasar. Pendekatan e-mel *blast* yang digunakan dalam program OKP ini adalah bertepatan selaras dengan gaya hidup masyarakat moden pada hari ini dan pada masa yang sama dapat mengoptimalkan kos operasi (lihat jadual 2).

OKP merupakan kesinambungan daripada program pematuhan menerusi pendidikan cukai yang telah dijalankan selama ini, termasuk pendidikan cukai secara santai di Kidzania dan program Kem Cerdik Cukai LHDNM. Hal ini

Jadual 1 Fakta mengenai OPS CBOS.

OPS CBOS			
September hingga Disember 2016		2017	
20 ribu premis telah diawasi	Jumlah tambahan kutipan GST sebanyak RM1 bilion	200 ribu premis yang akan diawasi	Sasaran jumlah tambahan kutipan GST sebanyak RM3 bilion

(Sumber: Kastam sasar kutip tambahan GST lebih RM3b. (S Anand Kumar) diakses pada 3 Oktober 2017 - <https://www.bharian.com.my/node/227812>)

Jadual 2 Fakta mengenai Operasi Kami Prihatin (OKP).

35 037 Pembayar Cukai Baharu Menerima Pemakluman E-Mel Berkelompok Merangkumi	
32 358 Pembayar Cukai Individu Pengajian	2679 Pembayar Cukai Individu Menjalankan Perniagaan

(Sumber: Kenyataan Media LHDNM bertarikh 4 Oktober 2017 - LHDNM Lancar Operasi Kami Prihatin)

menunjukkan kedua-dua agensi percukaian negara ini seimbang dalam usaha melaksanakan operasi pematuhan mereka baik dari segi aktiviti penguatkuasaan dan juga pendidikan cukai.

Kedua-duanya menjadi teras utama agensi terbabit untuk memastikan pematuhan cukai secara sukarela dapat dipertingkatkan demi kemakmuran ekonomi negara.